

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB. Datuk Chua Tee Yong**  
**[ Labis ]**  
**NO. SOALAN : 98**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan pada tahun 2014 untuk penyelenggaraan dan pembinaan jalan berturap tar di perkampungan Orang Asli di Parlimen Labis serta apakah perancangan Kementerian untuk memastikan kualiti jalan-jalan ini dari semasa ke semasa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak menyediakan peruntukan pada tahun 2014 untuk penyelenggaraan dan pembinaan jalan berturap tar di perkampungan Orang Asli di Parlimen Labis.

Kementerian sentiasa komited untuk membina, menaiktaraf dan menyelenggara jalan-jalan di kawasan luar bandar mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan untuk memastikan kualiti jalan-jalan ini dari semasa ke semasa. Selain itu, jalan-jalan ini dilaksanakan oleh agensi teknikal seperti JKR berdasarkan standard teknikal yang telah ditetapkan bagi menjamin kualiti jalan.